

Bungkusan kain bergerak

H/metro
6/4/2015
mls 5

FOTO: ZAID SALIM

■ **Bayi perempuan masih bertali pusat ditinggal dalam masjid**

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my
Permaisuri

Penemuan satu bungkusan kain bergerak dalam sebuah masjid di Kampung Merang, di sini, menyelamatkan seorang bayi perempuan yang dipercayai ditinggalkan dalam masjid berkenaan.

Bayi dipercayai berusia satu hari dan masih bertali pusat itu ditemui satu keluarga yang berhenti untuk menunaikan solat Zuhur di masjid berkenaan pada jam 4 petang, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Terengganu Asisten Komisioner Wan Abd Aziz Wan Hamzah berkata, sebelum kejadian, lelaki berusia 37 tahun dan bekerja sebagai juruelektrik itu, singgah di masjid berkenaan bersama keluarganya.

Katanya, sebaik melangkah masuk, lelaki terbabit melihat bungkusan kain di sudut kanan ruang masjid berkenaan.

"Ketika menghampiri bungkusan berkenaan, dia terkejut mendapati bungku-



BAYI perempuan ditemui seorang lelaki di dalam masjid.

san kain itu bergerak lalu segera membelek bungkusan terbabit.

"Sebaik membuka bungkusan berkenaan, dia terkejut mendapati ada bayi perempuan lalu segera memaklumkan penemuan itu kepada keluarga yang turut berada di masjid untuk solat Zuhur," katanya.

Beliau berkata, melihat keadaan fizikal bayi berkenaan yang dipercayai baru dilahirkan, lelaki itu membuat pemeriksaan awal sekitar masjid bagi mencari ibu bapa bayi malang berkenaan.

"Bagaimanapun, usaha lelaki terbabit gagal sebelum

mengambil keputusan membawa bayi malang itu ke Balai Polis Penarik, dekat sini," katanya.

Wan Abd Aziz berkata, bayi berkenaan kemudian dibawa ke Hospital Setiu, dekat sini, untuk pemeriksaan lanjut.

Katanya, polis sedang menjalankan siasatan berhubung penemuan itu dan percaya dapat mengesan ibu bapa bayi terbabit berdasarkan rakaman kamera litar tertutup yang dipasang di masjid berkenaan.

"Kita juga menubuhkan satu pasukan khas bagi menjalankan siasatan berhubung kejadian itu," katanya.